

**UCAPAN PERASMIAN**  
**Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin**  
**Naib Canselor UniMAP**  
**PADA**  
**Majlis Makan Malam Program Snucoe 2011**  
**11 OKTOBER 2011\*Ocean Glow**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Naib Presiden Silterra, En. Munawir Ab Ghani

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP.

Penolong-penolong Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan

Dif-dif Kehormat serta Wakil-wakil Industri,

Delegasi dari Silterra dan Peserta – Peserta Program SNUCOE 2011, Seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Tiup seruling di tanah lapang,  
Bunyinya merdu mendayu-dayu  
Ahlan Wasahlan dan selamat datang  
Ke negeri Perlis, negeri Ilmu.**

Alhamdulillah izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadhrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinanNya dapat kita bersama-sama pada satu majlis makan malam yang cukup istimewa ini khusus untuk meraikan para peserta program SNUCOE. Selamat datang saya ucapkan kepada semua.

Setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan buat En. Munawir bin Ab Ghani yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Siltera atas kesudian melapangkan masa untuk hadir ke majlis malam ini. Kehadiran Encik semestinya menyerikan lagi majlis pada malam ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan buat **Pusat Kerjasama Industri (CIC)** di atas perlaksanaan Program SNUCOE 2011 seterusnya memastikan kejayaan penganjuran majlis pada malam ini. Tahniah dan syabas atas inisiatif yang telah ditunjukkan dan saya berdoa semoga kecemerlangan ini mampu diteruskan lagi di masa-masa akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

SNUCOE atau nama panjangnya Silterra, NCIA, UniMAP Centre of Excellence merupakan hasil kombinasi idea Pengarah CIC, Dr. Yufridin Wahab dan pihak Silterra (M) Sdn. Bhd. dalam usaha mempromosikan keupayaan UniMAP dalam bidang fabrikasi semikonduktor iaitu rekabentuk Microelectromechanical Systems (MEMS).

Manakala Silterra pula begitu berminat untuk mempertingkatkan keupayaan pengeluaran fabrikasi dan MEMS dan ia dijangka mampu dicapai menerusi lantikan lebih ramai jurutera.

Alhamdulillah, hasil inisiatif dan kerjasama ini juga, UniMAP telah dianugerahkan pembiayaan RM 2.17 juta untuk peralatan makmal mikrofabrikasi bagi tujuan MEMS. Terima Kasih saya ucapkan kepada NCIA yang telah menyumbangkan pembiayaan ini kepada UniMAP.

Dan atas dasar itulah program ini diperkenalkan khusus untuk memberikan latihan tenaga kerja kejuruteraan meliputi seramai 25 orang staf dari Silterra. Ia meliputi latihan dalam bidang Kejuruteraan Mikrofabrikasi Semikonduktor dan MEMS serta Industri Elektronik secara keseluruhan.

Saya difahamkan, pelaksanaan ini dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Fasa I (Asas), Fasa II (Pertengahan) dan Fasa III (Khusus). Fasa I merangkumi tiga (3) bulan, Fasa II empat (4) bulan dan Fasa III lima (5) bulan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Selain itu juga, saya difahamkan, UniMAP turut memperoleh RM 50 ribu untuk mengendalikan latihan Fasa Asas (I) dan sebanyak RM 50 ribu lagi bagi latihan Fasa Khusus (III). Alhamdulillah, sesungguhnya saya amat berbangga dengan inisiatif ini dan jutaan terima kasih saya yang tidak terhingga buat semua pihak yang terlibat menjayakan program ini.

Di kesempatan ini, saya ingin berterima kasih kepada pihak Silterra yang banyak menyokong dan bekerjasama dengan UniMAP. Salah satu darinya ialah **Program FasTrack** membabitkan 18 orang Jurutera daripada Silterra.

Program ini adalah untuk melatih Jurutera-Jurutera Muda Silterra dengan ilmu dan kemahiran khusus industri semiconductor terutamanya berkaitan Fabrikasi Wafer anjuran CIC dengan dibantu oleh Anjung UniMAP Kulim dan PPK Mikroelektronik baru-baru ini.

**Manakala menerusi program Job Camp 2010 UniMAP - Silterra**

seramai 12 orang peserta pada dari UniMAP telah dipilih bagi menjalani program ini. Berdasarkan maklumbalas daripada pihak Silterra program ini mencapai kejayaan 100% dimana kesemua pelajar ditawarkan jawatan setelah menamatkan program ini.

Bagaimanapun, saya dimaklumkan sehingga kini hanya 9 orang sahaja peserta program Job Camp masih kekal berada di Silterra untuk meneruskan perkhidmatan mereka sebagai staff tetap.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pembangunan dan kemajuan modal insan khususnya di UniMAP selama ini. Besarlah harapan saya agar sokongan dan kerjasama ini terus berkekalan. Saya memohon seribu kemaafan jika terdapat sebarang kekurangan pada majlis malam ini.

**Terbangnya Helang Tanpa Arah,  
Terbang Melayang Tinggi Diudara,  
Kita Universiti Pendokong Amanah,  
Melahirkan Modal Insan Penggerak Negara**

Sekian sahaja ucapan daripada saya, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.